

## **Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran**

*Asmawati Subid*

*asmawati@putra.upm.edu.my*  
*Universiti Putra Malaysia*

**Fathiyah Mohd Fakhruddin**

*fathi@putra.upm.edu.my*  
*Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

Islam menyediakan falsafah yang jelas dan komprehensif dalam kehidupan termasuklah dalam bidang pendidikan. Gagsan pemikiran falsafah dalam Islam sekaligus membentuk world view seterusnya memberi panduan membina visi dan misi pendidikan masyarakat Islam. Keutuhan dan keunikan pemikiran falsafah Islam ini semestinya kerana sumber rujukan yang menjadi asas pegangan dan panduan iaitu kitab al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Persoalan utama falsafah Islam iaitu Tuhan, insan dan alam dibincang dan dijelaskan dengan begitu terperinci dan lengkap agar kehidupan Muslim tidak terpisah-pisah bagi mencapai kejayaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

**Kata kunci:** Gagasan pemikiran, falsafah pendidikan Islam.

### **ABSTRACT**

*Islam provides a clear and comprehensive philosophy of life including education. The idea of philosophical thought in Islam form the Islamic worldview, additionally give guidance to develop the vision and mission of education for muslims' community. The integrity and uniqueness of Islamic philosophical thought is due to the resource that are the Quran and the Sunnah of the prophet. The main question of Islamic philosophy, God, man and nature are discussed and explained in detail and inclusive so that muslims' life are not separated in order to achieve success in the world and happiness in the hereafter.*

*Keywords:* philosophical thought , philosophy of Islamic Education.

### **PENGENALAN**

Pendidikan Islam sebagai satu sistem atau mata pelajaran ialah pendidikan yang berakar umbi daripada gagasan pemikiran falsafah. Gagasan pemikiran falsafah tersebut hakikatnya adalah pandangan hidup atau *world view* yang telah digariskan dalam Islam. Tanpa world view tersebut, kehidupan tidak terarah, pendidikan tiada hala tuju dan apa juga aktiviti tiada nilainya di sisi Allah s.w.t. Walaupun terdapat usaha untuk melakukan transformasi terhadap Pendidikan Islam sesuai dengan keperluan semasa, ia tidak wajar meminggirkan realiti keperluan untuk kembali kepada *world view* tersebut atau secara khususnya transformasi tersebut perlu berpijak kepada pemikiran falsafah. Tanpa pemikiran falsafah, apa juga bentuk kemajuan dan pemikiran futuristik dalam pendidikan tidak akan tercapai sejajar dengan kehendak falsafah. Oleh yang demikian,

hala tuju Pendidikan Islam, dulu, kini dan akan datang perlu kembali berlandaskan kepada pemikiran falsafah. Segala cabaran dan halangan untuk merealisasikannya perlu ditangani dengan bijak dan penuh hikmah.

## PEMIKIRAN FALSAFAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Falsafah yang merupakan salah satu disiplin ilmu dianggap sebagai disiplin yang tinggi. Falsafah ditanggap sedemikian sesuai dengan makna falsafah itu sendiri iaitu cinta kepada hikmah (Akinpelu, 1981; Dunn, 2005; Mohd Sulaiman, 1982). Hikmah atau kebijaksanaan adalah aspek penting dalam falsafah (Ali, 1994) dan ia merujuk kepada kematangan pandangan dan pengamatan yang teliti (Seyyed Hossein Nasr, 1982; al-Syaibany, 1991). Hikmah ialah satu pemikiran aras tinggi yang bertujuan untuk menggali kebenaran atau hakikat. Dalam Islam, kebenaran yang dimaksudkan tentu sahaja kebenaran Islam. Malah, hikmah dinyatakan di dalam al-Quran menerusi surah Luqman. Luqman digambarkan sebagai ahli hikmah atau bijak pandai kerana kebijaksanaan pandangan futuristik beliau menjangkau ke alam akhirat.

Falsafah Islam ialah falsafah yang tidak boleh dipisahkan daripada dua sumber berautoriti iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini bermakna apa sahaja bidang dan cabang falsafah yang dibincangkan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah tidak sewajarnya bercanggah dengan prinsip Islam. Ruang perbincangan falsafah Islam berkisar kepada beberapa persoalan utama iaitu persoalan ketuhanan, insan, alam dan kehidupan. Ia merupakan prinsip Pendidikan Islam berdasarkan kepada surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5. Pandangan hidup Islam bermula dengan persoalan ketuhanan iaitu kepercayaan insan kepada kewujudan Allah s.w.t sebagai Pencipta seluruh alam. Persoalan ketuhanan ini yang mencorakkan pengertian dan konsep Pendidikan Islam sehingga matlamat tertinggi pendidikan tersebut ialah penyembahan atau ubudiah kepada Allah s.w.t. (Alavi, 2008).

Persoalan insan juga persoalan penting dalam falsafah Islam. Apa maknanya falsafah tanpa insan yang bertindak mengaplikasikannya dalam kehidupan. Di dalam Islam, insan ialah makhluk Allah s.w.t yang istimewa. Insan dianugerahkan dengan pelbagai kurniaan seperti fizikal yang indah dan sempurna (Jariah, 1997), akal (al-Asmar, 1997), rohani (al-Qaradawi, 1983), fitrah yang suci (Ajjola, 1999) serta kuasa untuk memilih (al-Attas, 1990). Zakaria Stapa (1995) merujuk insan sebagai makhluk yang memiliki dua unsur berbeza yang penting iaitu unsur material dan spiritual yang saling melengkapi (Ahmad Mohd Said, 2001). Kedua-dua unsur ini yang membolehkan insan menjalankan dua fungsi penting pula iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

Alam mempunyai hubungan yang bermakna dengan persoalan ketuhanan dan insan. Alam ialah makhluk Allah s.w.t. yang mampu diketahui dan difahami insan (Faisal Othman, 1992). Kefahaman insan tentang alam membolehkan insan yang berfungsi sebagai hamba dan khalifah memanfaatkan alam bagi meningkatkan kualiti kehidupan (al-Nahlawi, 2005) dengan pelbagai unsur yang terdapat di dalamnya (Surah al-Anbiya' ayat 33). Falsafah Islam turut membawa kepada persoalan kehidupan dan peranan insan dalam menjalani kehidupan tersebut. Kehidupan insan mempunyai matlamat yang jelas. Kehidupan insan tidak berakhir dengan kematian sebaliknya kematian ialah terminal sebelum menuju ke alam akhirat yang bersifat kekal (al-Afendi dan Baloch, 1990). Oleh itu, insan dituntut agar mempersiapkan bekalan iaitu berusaha memperolehi keredaan Allah s.w.t. (Faisal Othman, 1992). Allah s.w.t. menjadikan kehidupan insan dipenuhi dengan pelbagai nikmat (Mahmud, 1991) yang bertindak sebagai alat untuk mencapai keredaan Allah s.w.t. dan bukan menjadi matlamat untuk direbut oleh insan. Ini menyebabkan Pendidikan Islam bukan bertujuan untuk meraih kejayaan material tetapi juga kejayaan yang lebih bermakna di alam akhirat

(al-Afendi dan Baloch, 1990). Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Ankabut ayat 64 bermaksud:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَوةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا

يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

*Dan tidaklah kehidupan dunia ini melainkan semata-mata sia-sia dan main-main dan sesungguhnya akhirnya akhirat ialah kehidupan sebenar jika mereka mengetahuinya.*

Ringkasnya, keempat-empat persoalan utama dalam falsafah Islam yang merangkumi persoalan ketuhanan, insan, alam dan kehidupan memberi hala tuju yang jelas kepada pembinaan dan pelaksanaan sistem Pendidikan Islam.

### **METAFIZIK, EPISTEMOLOGI DAN AKSIOLOGI DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM**

Pendidikan Islam dalam pengertian yang ringkas bermaksud pendidikan yang berasaskan ajaran Islam (Ghazali Darusalam, 2001; Mohd Yusuf, 2002) yang menitikberatkan pembentukan sikap manusia dalam pelbagai aspek kehidupan iaitu jasmani, rohani, akal, akhlak dan sosial agar akhirnya dapat mengabdikan diri kepada Allah (al-Jamali, 1967; al-Nahlawi, 2005). Falsafah Pendidikan Islam pula merujuk kepada aplikasi kaedah dan pandangan falsafah Islam dalam bidang pendidikan Islam (Ghazali Darusalam, 2001). Falsafah pendidikan Islam cuba menjelaskan proses pendidikan Islam dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya seperti konsep insan, ilmu, makna dan matlamat pendidikan (Ghazali Darusalam, 2001).

Kajian atau perbincangan tentang falsafah secara umumnya menyentuh tiga cabang iaitu metafizik, epistemologi dan aksiologi. Aksiologi terbahagi pula kepada kajian tentang etika dan estetika. Ini secara jelas dinyatakan oleh al-Attas (1980) di mana Falsafah Pendidikan Islam tidak terlepas daripada membincangkan aspek metafizik yang berasaskan kepada pemahaman terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Metafizik Islam menurut al-Attas (Wan Mohd Nor, 2005) ialah satu sistem yang menerangkan tentang hakikat wujud dan kewujudan yang sebenar. Dalam memperkatakan tentang metafizik Islam ini, perbincangan akan berkisar kepada konsep ketuhanan hakiki, konsep insan dan konsep alam (Hamdani Ihsan dan Fuad Ihsan, 1998). Perbincangan tentang konsep-konsep tersebut telah dijelaskan pada perbincangan tentang falsafah Islam sebelum ini.

Epistemologi pula berkait dengan cabang falsafah yang menerangkan tentang ilmu pengetahuan (Mohd Salleh Lebar, 2002) atau teori keilmuan (Mohamad Najib, 2004). Perbincangan tentang epistemologi berkisar kepada hakikat ilmu dan sumber ilmu. Ilmu ditakrifkan sebagai sesuatu yang bersifat jelas, pasti, tepat dan tiada unsur kekeliruan serta kesamaran (al-Syaibany, 1991). Ini dibuktikan dengan pandangan al-Ghazali bahawa ilmu ialah penyingkapan yang meyakinkan sekali gus tiada kemungkinan untuk berlaku kesilapan atau kesesatan (Mohd Nasir Omar, 2005). Oleh itu, di dalam kitab Allah s.w.t. iaitu al-Quran, ilmu sering disertakan dengan iman, begitu juga orang berilmu digandingkan dengan orang beriman. Ada kalanya ia disebut secara bersendirian tetapi masih merujuk kepada pengertian ilmu dan iman sebagaimana yang dikemukakan dalam Surah al-Rum ayat 56, Surah al-Mujadalah ayat 11 dan 12 serta Surah al-Baqarah ayat 24 hingga 26.

Menyentuh tentang aspek epistemologi ini, al-Attas menghuraikan beberapa saluran bagi memahami hakikat kewujudan. Antaranya, al-Attas tidak mengabaikan peranan indera sebagai mekanisme berkesan untuk memahami realiti yang bersifat empiris. Akal fikiran pula sebagai mekanisme yang berkesan untuk memahami fakta empiris menurut pertimbangan logik. Akal juga menurut al-Attas boleh bertindak sebagai penghubung yang menghubungkan akal dengan intuisi bagi kalangan ahli sufi. al-Attas cenderung menyifatkan pengalaman intuisi sebagai mempunyai pelbagai tingkat yang mana yang paling rendah dimiliki oleh para ilmuan dan sarjana manakala pengalaman intuisi yang paling tinggi dimiliki oleh para nabi. Seterusnya, al-Attas turut menekankan al-Quran dan Sunnah sebagai saluran ilmu yang paling benar (Wan Mohd Nor, 2005).

Aspek aksiologi atau nilai turut menjadi fokus perbincangan Falsafah Pendidikan Islam. Aksiologi berasal daripada perkataan Inggeris *axiology* yang bermaksud sains nilai, teori dan sistem nilai (Ahmad Fauzi Morad & Ahmad Tarmizi Talib, 1997). *Axiology* pula berasal daripada dua suku kata Greek, iaitu *axios* (harga atau nilai) dan *logos* (logik ataupun teori). Jika dalam konteks barat, nilai yang menjadi fokus dalam perbincangan falsafah tentu sahaja nilai yang selaras dengan nilai menurut fahaman barat. Nilai menurut pespektif Barat bersifat tidak konsisten kerana berubah berasaskan sistem pemikiran yang dipengaruhi oleh masa, tempat dan budaya. Ini berbeza dengan nilai yang menjadi tuntutan Falsafah Pendidikan Islam iaitu nilai yang stabil kerana ia adalah nilai yang berasaskan akidah Islam (Hamdani Ihsan dan Fuad Ihsan, 1998). Nilai yang terkandung dalam akidah Islam ialah nilai yang dapat menentukan pandangan hidup individu dan masyarakat. Pandangan hidup yang benar yang menjurus kepada pencapaian matlamat kehidupan insan yang hakiki iaitu pengabdian kepada Allah (Hamdani Ihsan dan Fuad Ihsan, 1998). Sejarar dengan aspek nilai yang membawa kepada pengabdian insan kepada Allah, al-Attas (Wan Mohd Nor, 2005) menekankan tujuan Pendidikan Islam ialah melahirkan insan yang baik atau *adabi*. Insan yang baik ialah insan yang mempunyai kualiti kebaikan dalam kehidupan material dan spiritualnya. Aspek aksiologi ini ternyata memberi implikasi jelas terhadap tujuan Pendidikan Islam iaitu bagi melahirkan insan baik yang memiliki pandangan hidup Islam yang benar dan menyeluruh (Wan Mohd Nor, 2005).

Jelas berdasarkan perbincangan di atas, aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi dalam Falsafah Pendidikan Islam menggambarkan keselarasan aspek-aspek tersebut dengan roh Islam. Ketiga-tiga aspek tersebut menjadi landasan untuk menentukan tujuan, matlamat, isi kandungan dan metod Pendidikan Islam secara keseluruhannya.

### **ASAS PEMBINAAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM**

Berdasarkan perbincangan di atas memperlihatkan perbezaan falsafah Pendidikan Islam dengan Barat. Ini kerana, asas pembinaan falsafah Pendidikan Islam ialah ketauhidan dan keimanan kepada Allah SWT. Justeru, pembentukan dan pelaksanaan serta tujuan pendidikan Islam adalah menuju kepada mencapai keredhaan Allah SWT agar mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Oleh itu, dalam membina falsafah Pendidikan Islam menurut as-Syaibani sebagaimana yang dijelaskan oleh Ahmad Mohd. Salleh (2004) ianya terikat kepada beberapa unsur dan syarat tertentu iaitu,

1. hendaklah sesuai dengan roh Islam aqidah dan syariat Islam.
2. hendaklah berkaitan dengan realiti masyarakat dalam hubungannya dengan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik.
3. haruslah didasarkan kepada aspek kehidupan manusia yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan cabangnya serta pengalaman kemanusiaan.
4. hendaklah bersifat universal yang didasarkan kepada faktor sosial, budaya, spiritual, ekonomi, politik, pendidikan, psikologi dan sebagainya.
5. hendaklah bersifat memilih supaya ianya sesuai dengan roh Islam.
6. seharusnya bebas daripada pertentangan atau percanggahan antara prinsip dengan kepercayaan yang menjadi dasarnya dan antara prinsip ini dengan pelaksanaan amalnya.
7. Hendaklah didasarkan kepada contoh-contoh yang jelas.
8. Seharusnya bersifat dinamik, berkembang, sesuai dengan perkembangan penyelidikan dan kajian dalam bidang yang pelbagai.


Berdasarkan kepada unsur dan keterikatan falsafah pendidikan dalam Islam di atas, jelas menunjukkan bahawa ia bersifat komprehensif, syumul, dinamik dan sejagat. Hal ini kerana falsafah pendidikan Islam berteraskan kepada sumber al-Quran dan as-Sunnah yang lengkap dan sempurna. Malah, falsafah pendidikan menurut kaca mata Islam tidak hanya berasaskan kepada pemikiran manusia bahkan ia berteraskan kepada firman Allah SWT. Falsafah yang tidak berteraskan kepada ketuhanan dan ketauhidan kepada Allah SWT pastinya akan pincang dan membawa kegagalan.

## TUJUAN DAN MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM

Tujuan dan matlamat Pendidikan Islam ialah satu perkara yang sangat berhubung rapat dengan persoalan falsafah hidup insan menurut Islam. Apabila falsafah hidup insan yang hakiki difahami dengan jelas, maka tujuan dan matlamat Pendidikan Islam tidak timbul dan perlu dipersoalkan lagi.

Tujuan pendidikan yang jelas adalah prasyarat untuk memperolehi Pendidikan Islam yang bermakna (Umar, 2000). Tujuan Pendidikan Islam berkait rapat dengan tujuan hidup dalam Islam iaitu kesempurnaan material dan spiritual (Sultan, 1992). Oleh itu, tujuan pendidikan Islam bersifat komprehensif kerana mengambilkira keperluan fitrah insan yang meliputi aspek material dan spiritual (Rahman, 1994). Di sini, difokuskan kepada empat tujuan Pendidikan Islam iaitu pertamanya, agar insan mencapai perkembangan atau kematangan fizikal (Ahmad D. Marimba, 1974). Perkembangan fizikal yang sempurna menjadi tujuan pendidikan kerana insan pada mulanya dilahirkan dalam keadaan yang lemah fizikalnya. Fizikal tersebut beransur-ansur menjadi kuat dan mantap setelah melalui pertambahan usia dan pendidikan yang diterima (Umar, 2000). Insan yang sihat dan kuat juga berupaya menjalani kehidupan yang produktif dan dinamik. Tanpa kecergasan fizikal, insan tidak mampu memikul tugas dalam hidupnya. Tanpa kemantapan fizikal juga, insan tidak mampu melaksanakan amal ibadahnya (Ahmad D. Marimba, 1974). Dalam usaha mengembangkan fizikal insan, Islam antara lain menyarankan aktiviti latihan fizikal (Ulwan, 1996). Dalam surah al-Anfal ayat 60, Allah s.w.t. menyarankan agar umat Islam memberi perhatian kepada kekuatan fizikal yang bermaksud:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوُّ اللَّهِ  
وَعَدُوُّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا نَعْلَمُونَهُمْ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي



*Dan buatlah persiapan untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah niscaya akan dibalasi dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya atau dirugikan*

Perkembangan fizikal insan juga perlu dilaksanakan dengan menjaga aturan makan, minum dan tempat tinggal. Islam menganjurkan umatnya agar menjaga kebersihan makan, minum dan tempat tinggal agar tidak mudah dihidangi penyakit. Makan dan minum perlu dijaga daripada aspek halal haram, baik atau tidak baik, berkhasiat atau tidak agar pengambilan kedua-duanya tidak membahayakan kesihatan (Ulwan, 1996). Di samping itu, Islam turut menekankan beberapa perkara yang perlu dijauhi bagi memastikan perkembangan fizikal insan terlaksana dengan sempurna. Perkara-perkara yang perlu dijauhi itu termasuklah amalan merokok, mengambil dadah, mengambil minuman keras dan melakukan seks bebas. Rokok, dadah, minuman keras dan seks bebas boleh memudaratkan kesihatan dengan mengakibatkan penyakit seperti jantung dan penyakit kelamin seperti sifilis dan AIDS (Ulwan, 1996).

Selain daripada perkembangan fizikal, perkembangan intelek juga merupakan salah satu tujuan Pendidikan Islam yang penting. Sebagaimana menurut Alhasan (2005), Pendidikan Islam bertujuan untuk membangunkan intelek insan kerana ia penting dalam kehidupan. Intelek berupaya membongkar kebenaran hakiki iaitu menemukan insan kepada Penciptanya (Abdullah, 1982). Intelek juga penting untuk menyelesaikan permasalahan insan dalam kehidupan (Abdul Haq, 2002). Ia membantu insan mencapai kemuncak kesedaran akal untuk memperolehi ilmu (al- Islam, 2003). Justeru, pengajaran Pendidikan Islam seharusnya memberi penekanan kepada usaha untuk mempertingkatkan keupayaan intelek pelajar bagi memahami, memerhati, mengkaji dan menyelesaikan masalah (Umar, 2000).

Hakikatnya, perkembangan intelek dapat direalisasikan menerusi penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dan pemerhatian kepada unsur-unsur alam. Penelitian dan pemerhatian tersebut akhirnya mendorong kepada keyakinan kepada Allah dan kekuasaan-Nya (Abdullah, 1982). Perkembangan intelek turut dapat dicapai menerusi aktiviti berfikir. Pandangan yang mengatakan bahawa Pendidikan Islam hanya tertumpu kepada kaedah menghafal adalah pandangan yang salah (Abdullah, 1982). Buktinya, terdapat banyak terminologi *ulul albab* iaitu manusia yang berfikir disebut di dalam al-Quran. Di samping itu, konsep *ya`qilun* iaitu berfikir, *yatafakkarun* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *yatadabbarun* yang membawa maksud berfikir untuk meraih kebenaran tentang Pencipta turut disebut dalam al-Quran (Sidek Baba, 2006).

Selain daripada perkembangan intelek, perkembangan spiritual juga merupakan salah satu tujuan Pendidikan Islam yang penting kerana terdapat unsur roh dalam diri insan. Dimensi spiritual hakikatnya berkaitan dengan aspek keimanan insan kepada Allah s.w.t., malaikat, rasul, hari Akhirat dan qadha serta qadar. Keimanan pula merujuk kepada situasi insan membuat pengakuan dengan lidahnya, menyakininya dalam hati dan menterjemahkan keimanan menerusi amalan salih (Achoui, 1998). Justeru itu, keimanan yang teguh perlu diiringi dengan amalan salih dan tingkahlaku yang baik.

Namun, Yasien Mohamed (1997) turut memperkatakan tentang dimensi spiritual yang perlu dibangunkan pada diri insan. Beliau mengaitkan dimensi spiritual dengan unsur fitrah. Fitrah yang dibekalkan kepada insan ialah kecenderungan untuk menerima keimanan. Dalam aspek spiritual juga, Pendidikan Islam turut memberi fokus agar insan menjauhi dosa bagi menjalani kehidupan yang baik (Alhasan, 2005). Hal ini disokong oleh al-Aroosi (1990) bahawa Pendidikan Islam berperanan membersihkan hati dan melindungi hati daripada nafsu yang buas dan dorongan yang tidak sihat.

Selanjutnya, Pendidikan Islam turut bertujuan untuk memastikan perkembangan keperibadian yang seimbang. Perkembangan keperibadian dapat diraih dengan membangunkan aspek fizikal, emosi, intelek dan spiritual insan (Husain & Ashraf, 1979; Dangor, 2005). Kesemua aspek tersebut perlu dibangunkan secara bersepadu (Sultan, 1992). Perkembangan insan yang bersepadu ini selari dengan tujuan pengajaran Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan insan yang baik (al-Attas, 1978). Insan yang baik ialah insan yang dibangunkan kesemua potensinya secara seimbang dan berjaya dibentuk sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. (al-Attas, 1978; Rosnani Hashim, 1999). Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam yang Pertama yang diadakan di Mekah pada tahun 1977 telah menggariskan bahawa Pendidikan Islam bertujuan untuk pertumbuhan yang seimbang pada seluruh aspek diri insan (Ashraf, 1994).

Jelas sekali matlamat Pendidikan Islam begitu relevan dan komprehensif berbanding matlamat pendidikan lain. Pendidikan Islam menekankan pembangunan insan secara seimbang dan bersepadu sebagai asas pembinaan masyarakat yang berilmu, maju dan cemerlang dunia dan akhirat. Seterusnya, Pendidikan Islam memberikan panduan dan halatuju yang jelas dalam kehidupan muslim khususnya dan manusia amnya sesuai dengan tujuan manusia diciptakan.

## **PERKEMBANGAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA DI MALAYSIA**

Falsafah Pendidikan Islam Negara telah diungkap secara rasmi pada tahun 1988 setelah terbentuknya Falsafah Pendidikan Negara dan konsep pendidikan sepadu. Walaupun Falsafah Pendidikan Islam negara dibentuk pada tahun 1988, namun pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bermula lebih awal daripada itu iaitu seawal kedatangan Islam ke negara ini (Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Perkembangan Falsafah Pendidikan Islam boleh dilihat menerusi beberapa fasa iaitu fasa sebelum merdeka, fasa selepas merdeka dan fasa selepas 1988 iaitu setelah terbentuknya Falsafah Pendidikan Islam negara secara rasmi. Walaupun Falsafah Pendidikan Islam tidak diwartakan sebelum 1988, namun elemen atau aspek Falsafah Pendidikan Islam boleh dikenal pasti serta beberapa institusi pendidikan yang wujud ketika itu.

### **Fasa Sebelum Merdeka**

Fasa sebelum negara mencapai kemerdekaan menyaksikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dijalankan di kelas-kelas al-Quran di rumah guru atau ustaz, di masjid dan di surau. Elemen falsafah pendidikan Islam yang dititikberatkan ketika itu ialah penyampaian ilmu berkaitan bacaan al-Quran dan bacaan solat. Elemen kemahiran turut diberi tumpuan iaitu kemahiran membaca al-Quran dan menghafaz beberapa surah pendek daripada al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad, 2002; Rosnani Hashim, 1996; Abdullah Ishak, 1995). Selain daripada pengajian al-Quran dan ilmu tentang solat yang diajar secara meluas, dilaporkan juga terdapat

pengajian ilmu Fiqh, Tauhid, Tafsir, Sejarah, Tasawuf dan Falsafah Islam tetapi dalam beberapa situasi tertentu dan terbatas (Abdullah Ishak, 1995).

Pengajian pendidikan Islam seterusnya beralih kepada satu bentuk pengajian yang lebih tersusun iaitu pengajian pondok yang bermula pada kurun ke-19 Masehi (Abdullah Ishak, 1995; Rosnani Hashim, 1996). Sistem pengajiannya merangkumi peringkat permulaan, menengah dan tinggi serta menawarkan mata pelajaran yang lebih luas seperti Fiqh, Tauhid, Tafsir, Hadis, Sejarah Islam, Tasawuf dan Bahasa Arab (Abdullah Ishak, 1995). Hubungan antara guru dan pelajar dalam pengajian pondok adalah rapat dan berasaskan kasih sayang dan rasa hormat yang tinggi. Hubungan yang berasaskan rasa kasih dan hormat ini menyebabkan keperibadian guru menjadi ikutan pelajar. Guru dalam sistem pengajian pondok berperanan sebagai pendidik dan bukan sekadar pengajar yang hanya menyampaikan ilmu tetapi juga berusaha membentuk akhlak pelajar. Keperibadian guru yang tidak mengutamakan kemewahan sebaliknya mengutamakan kesederhanaan dan keredaan Allah s.w.t. sangat membantu dalam membentuk akhlak mulia dan pandangan hidup yang jelas dalam kalangan pelajar (Abdullah Ishak, 1995).

Berdasarkan pengisian pengajian Pendidikan Islam dan faktor guru seperti yang dihuraikan, elemen Falsafah Pendidikan Islam yang dititikberatkan dan diterapkan semakin luas daripada era pengajian al-Quran di rumah, masjid dan surau. Elemen seperti penyampaian ilmu, kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran, menunaikan ibadah dan membentuk akhlak, sikap serta keperibadian ialah antara elemen yang diterapkan dalam pengajaran pendidikan Islam ketika itu (Rosnani Hashim, 1996).

Setelah era Pendidikan Islam dalam bentuk pengajian pondok, diikuti pula dengan pengajian madrasah atau dikenali juga sebagai sekolah agama atau Arab yang juga meliputi pendidikan rendah, menengah dan pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh beberapa madrasah. Pengajian madrasah dilihat sebagai satu bentuk pengajian formal yang mana pelajar dikelompokkan berdasarkan usia dan kemampuan akademik serta wujudnya sistem peperiksaan.

Pengajian bentuk madrasah ini bermula ekoran daripada tindakan penjajah Inggeris menubuhkan sekolah vernakular Melayu pada tahun 1856 di mana sekolah tersebut tidak diajarkan al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Pengajian madrasah ini bermula dengan tumpuan kepada mata pelajaran agama iaitu sebelum Perang Dunia Kedua dan setelah Perang Dunia Kedua, mata pelajaran seperti Geografi, Sejarah dan Ilmu Hisab turut ditawarkan. Setelah negara mencapai kemerdekaan, pengajian madrasah menawarkan mata pelajaran agama dan mata pelajaran akademik seperti yang terangkum dalam peperiksaan peringkat menengah (Rosnani Hashim, 1996). Berdasarkan sukatan pelajaran yang lebih luas dan tidak sekadar tertumpu kepada fardu ain dan al-Quran, maka semakin luas elemen Falsafah Pendidikan Islam yang diterapkan. Elemen seperti penyampaian ilmu, pembentukan kemahiran, pembentukan keperibadian dan pembentukan tanggungjawab membangunkan diri, masyarakat dan negara telah diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam ketika itu (Abdullah, Zulkiplie dan Abdul Ghafar, 2005).

Oleh yang demikian, bolehlah dirumuskan walaupun Falsafah Pendidikan Islam tidak dinyatakan secara rasmi, namun berdasarkan kurikulum yang dibina dan dilaksanakan, aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi falsafah boleh dikenal pasti pelaksanaannya. Daripada aspek metafiziknya, pengajaran Pendidikan Islam sebelum merdeka tidak menyeluruh di mana hakikat Tuhan, ilmu, insan, alam dan kehidupan tidak disampaikan secara terperinci. Begitu juga aspek epistemologinya, kurikulum Pendidikan Islam ketika itu lebih tertumpu kepada kaedah ilmu wahyu tanpa menitikberatkan saluran-saluran lain bagi memahami hakikat kewujudan Tuhan, ilmu, alam,



insan dan kehidupan. Manakala daripada aspek aksiologinya, pendidikan Islam ketika itu berdasarkan kurikulumnya telah menampakkan nilai-nilai kebaikan seperti beriman dan berilmu yang diterapkan pada pelajar menerusi pengajaran yang disampaikan.

### **Fasa Selepas Merdeka**

Fasa perkembangan Falsafah Pendidikan Islam setelah negara mencapai kemerdekaan banyak dipengaruhi oleh beberapa dasar pendidikan atau pelajaran ketika itu seperti Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Fasa selepas merdeka menyaksikan Pendidikan Islam dimasukkan ke dalam sistem pendidikan negara tetapi diajar di luar waktu persekolahan iaitu di waktu petang. Kemudian, setelah pengenalan Akta Pelajaran 1961 atau secara tepatnya bermula tahun 1962, mata pelajaran Pendidikan Islam yang dikenali sebagai Pengetahuan Agama Islam ketika itu diajar dalam jadual waktu rasmi persekolahan (Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Berdasarkan kurikulum Pengetahuan Agama Islam sekolah menengah ketika itu, kurikulum tersebut dilihat lebih menjurus kepada penyampaian ilmu pengetahuan tentang Agama Islam kepada pelajar. Ini berdasarkan kepada matlamat umum Pengetahuan Agama Islam ketika itu serta sukatan pelajaran yang lebih banyak tertumpu kepada asas dan prinsip yang berkaitan dengan Tauhid, Ibadat, Sejarah Islam, ayat al-Quran dan hadis Rasulullah (Mohamed Abas, 1989). Ini diperkukuhkan lagi oleh laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Mengkaji Mata Pelajaran Agama Islam pada tahun 1974 kepada Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 iaitu Pengetahuan Agama Islam kurang menitikberatkan aspek amalan, penghayatan Islam serta amali tetapi lebih kepada penyampaian ilmu ( Mohd Yusuf Ahmad, 2002; Ghazali Basri, 2000; Mohamed Abas, 1989).

Pendidikan Islam ketika fasa ini jika dibandingkan dengan fasa sebelum merdeka khususnya ketika era pengajian pondok dan madrasah, jelas menunjukkan kurang tumpuan kepada aspek penghayatan, akhlak dan keperibadian dan hanya memberi tumpuan kepada aspek ilmu dan kemahiran ibadah tertentu (Rosnani Hashim, 1996; Ghazali Basri, 2000; Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Situasi ini berlaku disebabkan kurikulum pendidikan negara secara umumnya dan kurikulum Pendidikan Islam secara khususnya dipengaruhi oleh nilai-nilai Barat (Rosnani Hashim, 1996). Perlu diingat bahawa ciri-ciri falsafah pendidikan Barat telah diserap dalam sistem pendidikan negara kerana sebelum merdeka amalan sistem pendidikan Barat banyak diterimapakai terutama dalam sekolah-sekolah aliran Inggeris (Mohd Salleh Lebar, 2002). Oleh yang demikian, Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Islam dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dibentuk bagi mengambil tempat falsafah pendidikan yang tidak tertulis secara rasmi yang didapati mewarisi sistem pendidikan Inggeris yang sekular (Rosnani Hashim, 1996).

Berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam ketika itu, sememangnya ketiga-tiga aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi boleh dikenalpasti walaupun Falsafah Pendidikan Islam tidak diungkap secara bertulis. Namun, berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet 1979, Pendidikan Islam pada fasa tersebut kurang menitikberatkan aspek akhlak, keperibadian, penghayatan dan amalan (Mahathir Mohamad, 1988). Ini menunjukkan bahawa aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi falsafah masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Sedangkan menurut aksiologi falsafah yang dikemukakan oleh al-Attas (Wan Mohd Nor, 2005), Pendidikan Islam sepatutnya berfungsi untuk melahirkan insan baik yang mempunyai kualiti kebaikan pada kehidupan material dan spiritualnya.

## **Fasa Selepas 1988**

Ekoran daripada laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 dan pendidikan negara yang dilihat bersifat sekular, maka negara kemudiannya membentuk Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) serta pernyataan Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1987 dan Falsafah Pendidikan Islam pada tahun 1988 (Rosnani Hashim, 1996).

Mata pelajaran Pendidikan Islam ketika ini mencerminkan Falsafah Pendidikan Islam yang telah dibina. Pengajaran Pendidikan Islam tidak hanya tertumpu kepada aspek penyampaian teori atau ilmu tetapi juga aspek praktikal dan penghayatan (Ghazali Darusalam, 2001; Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Perubahan kurikulum Pendidikan Islam yang melibatkan sukatan yang lebih luas, matlamat pendidikan dan kaedah serta teknik pengajaran yang lebih komprehensif menyebabkan elemen Falsafah Pendidikan Islam yang dibentuk diberi perhatian (Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Buktinya, Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merangkumi tiga bidang pembelajaran utama iaitu Tilawah al-Quran dan Hadis, Ulum Syar'iyah serta Adab dan Akhlak Islamiah. Ulum Syar'iyah pula meliputi tajuk Akidah, Ibadat serta Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam negara sedaya upaya cuba mengemukakan aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi falsafah yang lebih sempurna dan selaras dengan kehendak Islam. Buktinya, kurikulum Pendidikan Islam dengan jelas menitikberatkan aspek keimanan, ilmu, akhlak, penghayatan, amalan serta matlamat untuk melahirkan pelajar yang beriman, beramal salih dan berkeperibadian hingga memperolehi kebaikan hidup dunia dan akhirat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

## **IMPLIKASI FALSAFAH ISLAM DALAM PENDIDIKAN**

Pemikiran falsafah Islam memberi implikasi kepada pendidikan menurut kaca mata Islam baik dari sudut pembentukan matlamat dan halatuju pendidikan Islam, pembentukan dan pelaksanaan kurikulum, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran, pengurusan dan pentadbiran, dan latihan serta profesionalisme guru. Kesemuanya ini hendaklah mengambil kira dan memberi fokus kepada ruang lingkup persoalan falsafah iaitu ketuhanan, insan dan alam. Sebagai contoh, merujuk kepada implikasi falsafah Islam terhadap pembentukan kurikulum, maka sudah tentulah isi kandungan atau kurikulum juga memberi fokus kepada persoalan ini. Dengan kata lain, kurikulum yang digubal atau dibentuk hendaklah menekankan konsep insan, ketuhanan dan alam agar berjaya mencapai matlamat Pendidikan Islam. Oleh itu, perkara yang perlu dimasukkan dalam kandungan Pendidikan Islam antaranya mestilah menekankan ilmu ketuhanan, ilmu fardhu 'ain dan ilmu fardhu kifayah, ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi yang dapat melahirkan generasi muslim yang seimbang dan bersepadu.

Begitu juga, selain memberi impak kepada pembentukan atau penggubalan kurikulum, falsafah Islam turut memberi impaknya kepada amalan pengajaran guru, misalnya dari segi teknik dan kaedah mengajar. Menerusi pemahaman tentang konsep ketuhanan, maka guru hendaklah dalam pengajarannya antara lain sentiasa mengaitkan dengan kekuasaan Allah SWT, menguatkan penyampaian isi pelajaran dengan dalil dan nas al-Quran, mengamalkan nilai-nilai Islamiyyah dan menyedarkan murid tentang tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Begitu juga, menerusi pemahaman tentang konsep insan menurut Islam pula, maka kaedah dan teknik

pengajaran guru haruslah antara lain mengambil kira perbezaan potensi individu, memupuk daya intelek yang kreatif dan kritis, mengembangkan potensi murid secara bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, memberi peluang kepada murid untuk mengasah bakat dan kemampuan mereka.

Penelitian terhadap pelbagai bidang pengajian telah membuktikan bahawa fahaman yang berbeza tentang insan misalnya telah melahirkan teori dan amalan yang berbeza. Pandangan tentang insan yang hanya melihat dari sudut fizikal dan material sudah tentu mencipta teori dan amalan yang bersifat materialistik dan tidak menitikberatkan nilai spiritual. Strategi pembangunan insan juga akan hanya fokus kepada pembangunan fizikal. Justeru, falsafah pendidikan dalam Islam yang bersifat menyeluruh, syumul dan seimbang memberi penekanan kepada konsep berikut (Mohd. Kamal Hassan, 1987):

1. pendidikan seumur hidup;
2. pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan jasad) secara padu mencakupi aspek kognitif, afektif dan *volitional*;
3. menyampaikan dua fungsi, sebagai hamba kepada Allah SWT dan sebagai khalifah Allah SWT di mukabumi;
4. memakmurkan seluruh alam;
5. kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal soleh; dan
6. kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Jelas memperlihatkan bahawa falsafah pendidikan Islam berusaha mencapai dan merealisasikan matlamat melahirkan individu yang beriman dan bertaqwa, seimbang material dan spiritual seterusnya berperanan mengimarahkan mukabumi Allah SWT menurut syariat Islam.

## KESIMPULAN

Agenda membangunkan gagasan pemikiran falsafah adalah satu agenda yang penting bagi menentukan visi, misi dan hala tuju Pendidikan Islam. Walaupun Falsafah Pendidikan Islam telah diungkap secara rasmi dalam sistem pendidikan negara di Malaysia, namun usaha yang proaktif perlu disusun dan dilaksanakan agar gagasan falsafah tercerna dalam setiap proses penentuan hasil pembelajaran, pengisian serta kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Ia perlu direalisasikan dengan efektif agar matlamat yang diharapkan dapat dicapai secara holistik.

Membangunkan gagasan falsafah dalam Pendidikan Islam menuntut kesemua pihak yang terlibat termasuk pihak perancangan, penggubal dan pelaksana benar-benar memahami tuntutan falsafah. Apabila ini berlaku, baru lah pembentukan dan pelaksanaan pendidikan Islam yang dibentuk, dirancang dan diimplementasi selaras dengan falsafah Islam atau *world view* Islam yang menjadi tunjang kepada penciptaan insan. Segala permasalahan dan kekurangan perlu ditangani segera agar falsafah pendidikan Islam dan amalan pendidikan dapat berjalan dengan lancar dan berjaya.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Haq, Mahar. 2002. *Educational Philosophy of the Holy Qur'an*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Don. 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, Abdul Rahman Salih. 1982. *Educational Theory A Qur'anic Outlook*. Makkah: Umm al-Qura University.
- Achoui, Mustapha. 1998. Human Nature from a Comparative Psychological Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 15 (4): 71 – 95.
- Ahmad Mohd Said. 2001. Konsep, Pelaksanaan Pendidikan Bersepadu: Kurikulum dan Latihan Guru. *Jurnal Pendidikan Islam*. 9 (3): 9 – 17.
- Al-Afendi, Muhammad Hamid & Baloch, Nabi Ahmed. 1990. Terj. Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin & Asiah Idris. *Kurikulum dan Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Aroosi, M. 1990. Kurikulum Islam dan Guru. Dalam al-Efendi dan Baloch (editor), *Kurikulum dan Pendidikan Guru* (halaman 137 - 159). Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin dan Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Asmar, Ahmad Rajab. 1997. *Falsafah al-Tarbiyah fi al-Islam Intima' wa Irtiqa'*. Amman: Dar al-Furqan.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1990. *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Alhasan, Ahmad Diya Eddin. 2005. The Role of Islamic Education in Crime Prevention. *The Islamic Quarterly*. 49 (1): 35 – 63.
- Ahmad D. Marimba. 1974. *Filsafat Pendidikan Islam*. Cetakan 3. Bandung: PT al-Ma'arif.
- Ahmad Mohd Said. 2001. Konsep, Pelaksanaan Pendidikan Bersepadu: Kurikulum dan Latihan Guru. *Jurnal Pendidikan Islam*. 9 (3): 9 – 17.
- Ajjola, Alhaji A.D. 1999. *Restructuring of Islamic Education*. Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Akinpelu, J.A. 1981. *An Introduction to Philosophy of Education*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Alavi, H. R. 2008. Nearness to God: A Perspective on Islamic Education. *Religious Education*. 103 (1): 5 – 21.
- Ali, Muhammad Mumtaz. 1994. *Islam and the Western Philosophy of Knowledge*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Ashraf, S.A. 1994. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. Ismail Ahmad (Penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dangor, S. 2005. *Islamization of Disciplines: Towards an Indigenous Educational System*. *Educational Philosophy and Theory*. 37 (4):19 – 531.
- Dunn, S. G. 2005. *Philosophical Foundations of Education: Connecting Philosophy to Theory and Practice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Faisal Othman (1992). Pendidikan Islam: Konsep dan Realiti. Dalam Ismail Ab. Rahman (ed.). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ghazali Basri. 2000. Sistem Pendidikan Islam: Satu Tinjauan Awal dalam Konteks Pendidikan Nasional. *Jurnal Pendidikan Islam*. 9 (1): 37 – 44.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H. Hamdani Ihsan & H.A. Fuad Ihsan. 1998. *Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: CV Pustaka Setia.

- Al-Jamali. 1967. *Tarbiyyah al-Insan al-Jadid*. Tunis: al-Matba`ah al-Ittihad al-`Anal Tunisi.
- Jariah Abdullah. 1997. Konsep Kejadian Manusia Menurut al-Quran dan Sains. Dalam *Menjana Keilmuan Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia .1988. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahathir Mohamad. 1988. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Cetakan 5. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahmud, Ali Abd al-Halim. 1991. *Manhaj al-Tarbiyah `inda al-Ikhwān al-Muslimin*. Mansurah: Dar al-Wafa`.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2004. *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Abas. 1989. *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Menjayakan Falsafah Pendidikan Islam: Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Naim Lil-Banat dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Falahiah Pasir Pekan, Kota Bharu, Kelantan*. Latihan Ilmiah Sijil Perguruan Lanjutan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohd Salleh Lebar. 2002. *Perancangan Pendidikan: Peringkat Sekolah dan IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Sulaiman Haji Yasin. 1982. *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Nahlawi. 2005. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Asalibuha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama`*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1983. *Al-Ibadah fi al-Islam*. Cetakan 10. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rahman, Mawdudur. 1994. A Holistic and Institutional Analysis of Islamic Education. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 11 (4): 519 – 531.
- Rosnani Hashim (1996. *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rosnani Hashim. 1999. Islamization of the Curriculum. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 16 (2): 27 – 43.
- Seyyed Hossein Nasr. 1982. *Philosophy, Literature and Fine Arts*. King Abdul Aziz University Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sultan, Talat. 1992. *Curriculum Guide for Islamic Studies*. Makkah: Umm al-Qura University.
- Al-Syaibany, Omar. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Hasan Langgulung (penterj.) Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd.
- Ul-Islam Aziz. 2003. Knowledge and the Ideals of Education: An Islamic Perspective. *Muslim Education Quarterly*. 20 (1&2): 27 – 42.
- Ulwan, Abdullah Nasih. 1996. *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Juz. 1 & 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- ‘Umar, Ahmad ‘Umar. 2000. *Falsafah al-Tarbiyah fi al-Qur’an al-Karim*. Damsyik: Dar al-Maktabi.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yasien Mohamed (1997. *Insan yang Suci: Konsep Fithrah dalam Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Zakaria Stapa. 1995. Akhlak Menurut Perspektif Islam. Dalam Zakaria Stapa. *Akhlak dan Tasawuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

**Biodata Penulis**

Prof Madya Dr. Asmawati Suhid: Ketua, Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, <tel:03-89467907>, fax: 03-89468222, [asmawati@putra.upm.edu.my](mailto:asmawati@putra.upm.edu.my)

Dr Fathiyah Mohd Fakhruddin Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, tel:03-89468215, fax: 03-89468222, [fathi@putra.upm.edu.my](mailto:fathi@putra.upm.edu.my)